

CNS7827

U GB 08-08 00203 BA532

aab

Mahathir - Bosnia

TENTERA MALAYSIA DI BOSNIA-HERZEGOVINA HARUS BERSIAP SEDIA, KATA PM

GENTING HIGHLANDS, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, anggota tentera Malaysia (Malbatt) yang bertugas dengan Pasukan Pelindung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unprofor) di Bosnia-Herzegovina haruslah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan berikutan perkembangan terbaru di negara Balkan itu.

Perdana Menteri berkata, ini perlu memandangkan kemungkinan peranan badan dunia di negara itu bertukar daripada "pasif" kepada "aktif" dengan bertindak menyerang pengganas Serb Bosnia selepas Serbia memutuskan untuk tidak lagi membantu puak itu.

Presiden Parlimen Serb Bosnia, Momcilo Krajinic telah dilaporkan sebagai berkata bahawa anggota dewan (Serb Bosnia) akan memutuskan dalam masa dua atau tiga hari lagi sama ada untuk mengerah semua penduduk bersedia berperang berikutan tindakan Serbia itu.

Serbia telah membekalkan senjata dan membiayai kempen puak itu yang menentang kerajaan Bosnia (Islam) selepas Sarajevo mengisytiharkan kemerdekaan daripada bekas negara Yugoslavia.

"Sekarang ini pihak Serb sudah tidak lagi dibantu oleh Serbia dan sepatutnya PBB tidak lagi khuatir bahawa sebarang tindakan PBB (terhadap pengganas Serb) akan menyebabkan tercetusnya Perang Dunia Ketiga," kata beliau kepada pemberita di sini selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia. -- Lagi.

08/08/17-52MST

CNS7843

U GB 08-08 00148 BA533

aab

Mahathir - Bosnia 2 Genting Highlands

Dr Mahathir diminta mequlas kenyataan pemimpin Serb Bosnia, Radovan Karadzic yang berikrar meneruskan peperangan di Bosnia-Herzegovina sekalipun tidak lagi menerima bantuan dari Serbia.

Perdana Menteri berkata, Malaysia telah meminta Setiausaha Agung PBB Boutros Boutros-Ghali supaya badan dunia itu melengkapkan senjata yang mencukupi kepada tentera Malaysia untuk menghadapi kemungkinan serangan dari pengganas Serb Bosnia.

"Kita mahu supaya mereka (tentera Malaysia) bersiap sedia tetapi bekalan senjata mestilah datang daripada PBB," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai maklumat balas daripada Boutros-Ghali mengenai permintaan Malaysia itu, Dr Mahathir berkata, Setiausaha Agung PBB itu memaklumkan bahawa ia tidak perlu untuk tugas menjaga keamanan.

"Tetapi kalau sekarang ini sudah meningkat kepada penkuatkuasaan keamanan, mungkin beliau (Boutros Ghali) akan timbang semula (permintaan Malaysia itu)," kata beliau.

"Kita akan meminta ini daripada PBB," kata beliau lagi.

Ketika ditanya mengenai harapan Presiden Palestin, Yasser Arafat supaya Malaysia akan terus membantu rakyat Palestin, Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia membantu seberapa yang boleh supaya kesanggupan Arafat untuk mengadakan perjanjian damai dengan Israel itu tidak disia-siakan.

Arafat ketika diwawancara menerusi telefon dari Jericho oleh TV3 menerusi rancangan "Malaysia Hari Ini" semalam, berkata Malaysia adalah antara negara yang jujur dalam membantu Palestin dan berharap usaha itu akan diteruskan. -- Bernama

ES NMO

08/08/18-07MST